



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	10/12/2020	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	KeTSA / JPSM			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

## KeTSA tak keluar kelulusan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) tidak mengeluarkan sebarang kelulu-

san untuk aktiviti perlombongan unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) di kawasan Hutan Simpan Kekal, kata Menteriya Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Beliau berkata, kelulu-

san di kawasan selain dari Hutan Simpan Kekal adalah tertakluk kepada penilaian dan kelulusan teknikal yang diperoleh terlebih dahulu.

“Setakat ini, masih belum ada mana-mana pihak yang memohon dan diberikan kelulusan untuk menjalankan perlombongan NR-REE.

“Mana-mana pihak yang melakukan perlombongan tanpa kebenaran dan kelulusan akan diambil tindakan mengikut sistem perundangan sedia ada,” katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.



“  
**Mana-mana pihak yang melakukan perlombongan tanpa kebenaran dan kelulusan akan diambil tindakan**  
Dr Shamsul Anuar